

Abbas: Kenalkan silat kepada bukan Melayu

19 APR 1982

PENCAK SILAT
PARA pencinta seni silat diseru supaya berusaha mengembangkan kegiatan mereka bukan saja di kalangan masyarakat Melayu, tetapi juga kepada masyarakat-masyarakat lain di Singapura.

Di samping itu mereka juga harus mencari peluang bagi mengetahui dan menghayati tentang adanya seni pertahanan diri yang lain yang wujud di sini seperti judo, karate dan tae-kuan-do.

Dengan cara ini, nilai-nilai baik dari segala seni pertahanan diri ini dapat dibandingkan dan dihayati bersama oleh semua pihak yang mengelolakan seni berkenaan di Republik ini.

Riadah

Seruan ini dibuat oleh Anggota Parlimen Pasir Panjang, Encik Abbas Abu Amin, di majlis penyampaian hadiah *Pertandingan Olahraga Silat Seni Gayong Antara Balai Rakyat* pada Sabtu malam yang berlangsung di Balai Rakyat Pasir Panjang.

Menurut Encik Abbas, kegiatan riadah seumpama pencak silat ini haruslah digalakkan bukan hanya sebagai satu hobi atau kegemaran di waktu lapang.

Malah, ia boleh dijadikan sebagai satu cabang olahraga yang boleh diajarkan kepada anak-anak muda dalam usaha menguatkan lagi semangat keperwiraan untuk menjamin kesihatan badan dan juga ketahanan fikiran dan jasmani.

Seni silat, ujarnya, memanglah tidak asing lagi di kalangan masyarakat

kat kita dan ia mempunyai ciri-ciri yang istimewa seperti taat setia kepada guru, patuh kepada ajaran, rajin dan berusaha dalam latihan serta sabar dalam pendidikan.

Semuanya ini, tambah beliau, dapat dijadikan contoh bagi nilai-nilai hidup.

Encik Abbas menarik perhatian bahawa dengan adanya pertandingan seumpama itu, para peserta dapat mengukuhkan lagi tali persahabatan antara satu sama lain di samping meninggikan lagi seni olahraga silat dan seterusnya meningkatkannya lagi dari masa ke masa.

Terbesar

Sementara itu, Setiausaha Parlimen (Pelajaran), Encik Ho Kah Leong, menarik perhatian betapa semakin ramai pelajar lelaki dan perempuan yang kini mengambil seni pertahanan diri judo sebagai satu sukan.

Encik Ho berkata para pelajar ini adalah beruntung memilih judo sebagai satu acara kesukanan mereka.

Bercakap di Kejohanan Judo Junior Kebangsaan (di bawah 21 tahun), di Portsdown Road, Sabtu petang, Encik Ho berkata beliau gembira kerana usaha-usaha gigih telah dibuat untuk mempopularkan sukan itu di kalangan para pelajar.

Judo, katanya, telah menjadi acara kesukanan terbesar di sekolah di Jepun dan menjadi acara sukan dunia dalam Sukan Olimpik 1964 di Tokyo.